

23 FEB 1998

UMNO-Arau

CAWANGAN UMNO BELAKANGI ARAHAN PRESIDEN AKAN DISIASAT

KANGAR, 23 Feb (Bernama) -- UMNO Bahagian Arau hari ini menerima laporan tidak rasmi mengenai ada cawangan yang mencalonkan individu tertentu untuk mencabar kepimpinannya.

Bagaimanapun Ketua Pergerakan Wanita UMNO bahagian itu, Senator Mastika Junaidah Hussin berkata, laporan itu, jika benar berlaku, amat mengecewakan kerana ternyata ia membelakangi kehendak presiden parti.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa khas UMNO Bahagian Arau di sini, beliau berkata siasatan akan dilakukan segera dan laporannya akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi.

"Kita bukan menolak amalan demokrasi tetapi arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jelas bahawa anggota Majlis Tertinggi yang mengetuai bahagian UMNO tidak boleh dicabar," katanya.

Menurutnya, Shahidan adalah salah seorang anggota Majlis Tertinggi dan kedudukannya tidak seharus dicabar oleh mana-mana individu.

Mastika Junaidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO Perlis berkata, anggota-anggota UMNO yang terbabit dalam menonjolkan individu tertentu untuk menentang Shahidan juga boleh dikenakan tindakan.

Sementara itu, Ketua UMNO Cawangan Kampung Surau, Mohd Basir Sharif memberi sokongan padu terhadap kepimpinan Shahidan sebagai Ketua UMNO Bahagian Arau.

Katanya, UMNO cawangan itu yang mempunyai 340 anggota yakin dengan kepimpinan Shahidan dan tidak wajar ada pihak yang mencabarnya. -- BERNAMA
AD WAT